

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTA JAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai perkhidmatan RM50 ke atas kad kredit prinsipal dan RM25 ke atas kad kredit sampingan yang dikutip oleh Kerajaan bermula tahun 2010 sehingga kini ikut pecahan negeri dan tahun. Bilakah tarikh akhir cukai ini akan dimansuhkan selepas pelaksanaan GST.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas pemegang kad kredit utama dan kad kredit tambahan sebanyak RM50 dan RM25 bermula tahun 2010 tidak lagi terpakai selepas

perlaksanaan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) bermula 1 April 2015. Walau bagaimanapun, pemegang kad adalah tertakluk kepada yuran tahunan seperti yang ditetapkan oleh pihak bank.

Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai kad kredit dilaksanakan secara berpusat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) ke atas bank-bank berdasarkan lokasi sesuatu bank itu dilesenkan dan bukan melalui cawangan bank di setiap negeri. Justeru itu, jumlah keseluruhan kutipan cukai perkhidmatan kad kredit yang dipungut oleh JKDM (WPKL) sepanjang tahun 2010 sehingga April 2015 adalah sebanyak RM1,968,140,809.00. Butiran kutipan mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1: Jumlah Kutipan Cukai Perkhidmatan Kad Kredit

| Tahun | Jumlah Kutipan (RM) |
|--------------|----------------------------|
| 2010 | 351,174,450.00 |
| 2011 | 369,182,250.00 |
| 2012 | 369,906,310.00 |
| 2013 | 372,813,617.00 |
| 2014 | 377,359,332.00 |
| 2015 | 136,630,405.00 |

JUMLAH KESELURUHAN : RM 1,968,140,809.00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik pengidap penyakit barah mengikut pecahan jenis barah, negeri, gender, umur, kaum dan kurungan pendapatan serta kematian.

Tuan Yang Dipertua,

Kanser merupakan salah satu dari penyakit kronik yang memberi bebanan yang besar samada kepada pesakit, keluarga, organisasi mahupun negara. Kanser boleh dihidapi oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina, bangsa dan taraf ekonomi keluarga. Kejadian kanser juga dijangka akan terus meningkat selari dengan pertambahan jumlah penduduk yang berusia, amalan gaya hidup yang kurang sihat dan pendedahan kepada bahan-bahan berbahaya akibat dari arus permodenan.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa terdapat berbagai jenis kanser, namun demikian hanya sebahagian sahaja dari jenis-jenis kanser yang kerap berlaku di dalam negara ini. Secara keseluruhan, setiap tahun jenis kanser yang dilaporkan dari setiap negeri adalah hampir serupa dengan jenis kanser yang dilaporkan di seluruh negara. Kejadian kanser bagi hampir kesemua jenis kanser adalah meningkat seiring dengan pertambahan usia. Ia meningkat dengan ketara selepas usia 50 tahun. Selain itu, kanser didapati lebih kerap berlaku di kalangan bangsa Cina berbanding dengan dengan bangsa Melayu, India dan lain-lain.

Secara keseluruhan, sama dengan kebanyakan negara-negara lain di dunia, kanser payu dara adalah merupakan kanser yang paling kerap berlaku di Malaysia dan menyumbang kira-kira 18 peratus dari kesemua kanser yang dilaporkan kepada Registri Kanser Kebangsaan. Menurut analisa awal kanser tahun 2007-2011, terdapat lima jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan lelaki Malaysia iaitu kanser usus besar atau kanser kolorektal (16.6%) diikuti dengan kanser paru-paru (15.7%), nasofarink (8.3%), limfoma (6.8%) dan prostat (6.7%). Manakala di kalangan wanita pula, lima jenis kanser yang paling kerap berlaku di Malaysia adalah kanser payu dara (32.2%), usus besar (10.7%), servik (7.8%), ovari (6.1%) dan paru-paru (5.6%).

Mengikut bangsa dan tanpa mengikut jantina pula, secara keseluruhan kanser payu dara merupakan kanser yang paling kerap berlaku di kalangan tiga bangsa utama di Malaysia. Tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan wanita juga adalah serupa. Menurut pecahan bangsa, tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan lelaki

Melayu adalah kanser paru-paru (16.4%), kanser usus besar (15.5%) serta limfoma (8.8%) dan di kalangan wanita Melayu pula tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku ialah kanser payu dara (35.2%), usus besar (9.1%) dan servik (7.1%). Manakala untuk bangsa Cina pula, tiga jenis kanser yang paling kerap berlaku di kalangan lelaki adalah kanser usus besar (18.9%), paru-paru (16.7%) serta nasofarink (10.4%); dan di kalangan wanita adalah kanser payu dara (33.2%), usus besar (13.8%) dan servik (8.0%). Bagi bangsa India, tiga jenis kanser paling kerap berlaku di kalangan lelaki adalah kanser usus besar (14.7%), paru-paru (9.8%) dan limfoma (7.2%). Sementara di kalangan wanita India pula ialah kanser payu dara (35.5%), usus besar (7.6%) dan servik (6.7%).

Kanser merupakan penyebab keempat kematian di Malaysia dan pada tahun 2013 ia telah menyumbang sebanyak 13.6% dari keseluruhan kematian yang berlaku di semua hospital kerajaan dan swasta di seluruh negara. Pada tahun itu, kematian akibat kanser paru-paru adalah sebanyak 16.6% dari semua kematian akibat kanser yang berlaku diikuti dengan kanser payu dara (8.9%) dan kanser usus besar (8.3%).

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat pesakit-pesakit kanser yang diperoleh melalui rekod kemasukan di hospital-hospital dan Registri Kanser Kebangsaan, satu analisis awalan atau *preliminary analysis* telah dibuat menggunakan maklumat-maklumat tersebut bagi menjana statistik penghidap kanser di Malaysia. Statistik yang dijana adalah bagi tempoh lima tahun iaitu 2007 hingga 2012, iaitu mengikut jenis kanser, negeri berdasarkan lokasi hospital di mana pesakit mendapatkan rawatan,

jantina, kumpulan umur, kaum dan kematian. Statistik mengikut kurungan pendapatan tidak dapat dijana.

Jumlah pesakit kanser di Malaysia bagi tempoh 2007 hingga 2012 adalah 253,512 orang. Jumlah pesakit wanita melebihi jumlah pesakit lelaki, masing-masing dengan 138,643 dan 114,869 pesakit (Jadual 1). Etnik Cina mencatatkan jumlah pesakit kanser tertinggi bagi tempoh 5 tahun tersebut berbanding kaum lain, iaitu 105,624 pesakit, diikuti dengan etnik Melayu dengan 92,243 pesakit (Jadual 2). Dari segi umur, seramai 30,170 pesakit kanser adalah dalam kumpulan umur 55 hingga 59 tahun, 28,962 pesakit berumur 60 hingga 64 tahun dan 28,859 pesakit berumur 50 hingga 54 tahun (Jadual 3).

Daripada 253,512 pesakit kanser, kanser payudara mencatatkan jumlah pesakit paling ramai iaitu 39,790 pesakit, diikuti dengan kanser kolorektal dengan 32,626 pesakit, dan kanser trakea, bronkus dan paru-paru dengan 25,230 pesakit (Jadual 4). Kebanyakan pesakit kanser ini mendapatkan rawatan di hospital-hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (36,938 pesakit), Selangor (34,468 pesakit) dan Pulau Pinang (33,730 pesakit). (Jadual 5).

Statistik kematian pesakit kanser berdasarkan rekod kematian daripada hospital-hospital KKM pada tahun 2013 adalah 3,960 kematian berbanding 4,862 kematian pada tahun 2007.

Perincian mengikut jantina, kaum, kumpulan umur, jenis kanser dan negeri mengikut lokasi hospital di mana pesakit mendapatkan rawatan ditunjukkan di Lampiran 1.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH :
SOALAN :**

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada rancangan untuk menaik taraf Hospital Bukit Mertajam yang sudah tidak cukup untuk menampung keperluan yang ada. Jika ada bila, jika tiada, kenapa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia masih belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf Hospital Bukit Mertajam. Pada masa ini, keutamaan sedang diberikan untuk pembinaan sebuah blok wanita dan kanak-kanak di Hospital Pulau Pinang. Perkhidmatan yang dirancang di blok tersebut merangkumi wad perbidanan dan sakit puan termasuk dewan bersalin, dewan bedah dan *high dependency unit*, wad kanak-kanak termasuk Unit Rawatan Rapi Neonatal, Unit Rawatan Rapi Pediatrik dan *high*

dependency unit, Klinik Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, Klinik Pakar Kanak-kanak, Unit Kecemasan O&G / Pediatrik, Sekolah Dalam Hospital dan perkhidmatan sokongan klinikal yang berkaitan.

Selain itu, sebuah *multistorey block* dirancang dibina di Hospital Seberang Jaya yang akan melibatkan perkhidmatan klinik pakar, unit kecemasan dan trauma, perkhidmatan pesakit dalam seperti wad perubatan, pembedahan, nefrologi dan neurologi, unit rawatan rapi, pediatrik kardiologi dan unit rehabilitasi, perkhidmatan radiologi, makmal dan perkhidmatan sokongan klinikal berkaitan.

Satu projek pengklusteran hospital di Pulau Pinang sedang dalam perancangan untuk membantu mengurangkan masalah kekurangan pakar di Pulau Pinang. Ini melibatkan pengklusteran Hospital Seberang Jaya, Hospital Bukit Mertajam dan Hospital Sungai Bakap untuk Kluster 1 dan Hospital Pulau Pinang, Hospital Balik Pulau dan Hospital Kepala Batas untuk Kluster 2. Projek tersebut masih dalam perancangan awal oleh pihak JKN Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital Bukit Mertajam merupakan sebuah hospital pakar yang terletak di daerah Seberang Perai Tengah yang mempunyai kapasiti 242 buah katil. Purata kadar kegunaan katil (*Bed Occupancy Rate*, BOR) pada tahun 2013 adalah 63.3%, dan pada tahun 2014 meningkat kepada 64.5%. Sehingga bulan April 2015 BOR yang dicatatkan adalah sebanyak 65.9%. dari aspek

kadar penggunaan katil, bilangan katil sediaada masih mampu untuk menampung bilangan pesakit.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian amat peka terhadap keadaan Hospital Bukit Mertajam yang sudah dibina sejak tahun 1890 dan memerlukan penaiktarafan atau penggantian sistem dan kelengkapan hospital sehubungan itu, pada tahun 2014 sebanyak RM435,000.00 telah diluluskan peruntukan untuk kerja-kerja menaiktaraf di Hospital Bukit Mertajam. Peruntukan tersebut telah digunakan untuk menjalankan 6 projek iaitu

1. Menaiktaraf Tembok Penahan
2. Pendawaian Elektrik Unit X-Ray
3. Menaiktaraf Nurse Call System di Wad 9
4. Pengantian Bumbung Jabatan Kecemasan
5. Menaiktaraf Unit Pengurusan Sumber Maklumat, dan
6. Menaiktaraf Tandas Wad Paliatif.

Pada masa yang sama, di bawah Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia ke-10, projek Menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Berpusat di Dewan Bedah, Hospital Bukit Mertajam dengan kos sebanyak RM4juta telah diluluskan.

Kementerian ini juga telah memohon projek Menaiktaraf Sistem Bekalan Elektrik, Hospital Bukit Mertajam yang dijangka akan menelan kos sebanyak RM3juta dalam Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia ke-11